

# السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

## Garis Panduan Latihan Industri di Pusat Bahasa Arab Mikro 2022

### 1. KONSEP

Latihan Industri Arab Mikro adalah program perintis ke alam kerjaya perkhidmatan bahasa Arab di Malaysia dan Asia Tenggara khususnya. Ia menyediakan khidmat perundingan dan penyelidikan kepada para peserta untuk mencipta peluang-peluang kerjaya dan perkhidmatan bahasa Arab mengikut keperluan masyarakat setempat. Para peserta akan didedahkan dengan teknik dan khidmat keusahawanan yang praktikal dan mudah untuk dilaksanakan melalui program **USAHAWAN ARAB MIKRO**.

### 2. SKOP

Antara skop latihan yang ditekankan ialah pengajaran, penyelidikan, penerbitan, perancangan pendidikan dan kendalian klinikal bahasa Arab. Skop utama Latihan Industri tahun 2022 ialah:-

- a- Klinik Bahasa Arab Peringkat Persijilan (PT3, SPM dan STU)
- b- Bengkel Kemahiran Bahasa Arab Berkala ( Mingguan / Bulanan )
- c- Kelas Bahasa Arab On-Line (Pelbagai Tahap)
- d- Design dan Pemasaran Bahasa Arab On-Line.

### 3. TEMPOH

Tiga bulan ( Minima ), enam bulan (Sederhana) dan Sebelas bulan (Maksima).

### 4. LOKASI

- 1- Pejabat Urusan Arab Mikro, Bandar Baru Tunjung, Kota Bharu, Kelantan.
- 2- Pondok Saidina Abu Bakar al-Siddiq, Tawang, Bachok, Kelantan.
- 3- Pusat Pengajian Komuniti Rantau Panjang, Kelantan.

### 5. KEMUDAHAN

Pelatih akan disediakan dengan kemudahan tempat tinggal dan makan percuma. **Elau tidak disediakan.**

### 6. PELUANG KERJAYA

Peserta yang cemerlang dan berdaya saing akan ditawarkan untuk menyertai program USAHAWAN ARAB MIKRO di mana-mana pusat pengajian yang ada kerja sama dengan Pusat Bahasa Arab Mikro.

### 7. PERATURAN

- a- Berpakaian Islamik patuh syariah. Seluar panjang tidak dibenarkan untuk pelatih wanita.
- b- Menjaga solat fardhu berjamaah lima waktu.
- c- Bekerja kerana Allah SWT dan untuk Allah SWT.

### 8. SYARAT PEROMOHONAN

- a- Surat Permohonan melalui Fakulti atau Jabatan IPT berkenaan.
- b- Resume, Transkripsi Mata Kursus Semester Pengajian yang diduduki.
- c- Borang Pengesahan Penerima Pemohonan (yang dikeluarkan oleh fakulti atau jabatan)
- d- Bersedia untuk menjalankan latihan industri di mana-mana

### 9. PERAKUAN

- a- Surat rasmi perakuan terima akan dikeluarkan untuk pengesahan dan rujuk kepada pihak berkenaan.
- b- Sijil dan transkrip pencapaian latihan industri akan dikeluarkan di akhri kursus sebagai bukti rasmi.
- c- Hasil kajian latihan industri Arab Mikro juga akan diberi sebagai teks rasmi.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

Yang Benar

Dr. Mohd Rosdi bin Ismail

1 Mac 2022

